



MOHD Shakirin dan Siti Khadijah kini bergelar petani berjaya.

# PENGIMPAL JADI PESAWAH

■ Lelaki berbakti kepada tanah kini raih RM40,000 setiap kali tuaian

Zairee Mohd Yasak  
am@hmetro.com.my

## Melaka

**B**osan merantau ke seluruh negara sebagai pengimpal, Mohd Shakirin Mohd Zan, 30, memutuskan meneruskan kerjaya ayahnya sebagai pesawah sejak 2014.

Bermula dengan tanah bendang seluas 2.02 hektar milik keluarga berhampiran rumahnya, dia kini mengusahakan 11.33 hektar bendang di sekitar kawasan Kampung Pinang A, Bukit Rambai, di sini.

Menceritakan pembabitannya sebagai pesawah, dia berkata, ayahnya, Mohd Zan Mohd Amin, 74, terperanjat dengan hasratnya dan menganggap dia bergurau.

"Saya ingatkan mereka

akan menyuruh saya berfikir dulu sebelum membuat keputusan tapi sebaliknya, ayah dan arwah ibu tiri, Laila Hamimah Othman, bersetuju dengan hasrat saya memandangkan tiada anak lelaki yang tinggal di rumah menemani mereka berdua.

"Tiga bulan selepas saya mengumpul maklumat berkaitan kerja penanaman padi di serata Semenanjung seperti di Selangor, Perak dan Kedah, saya secara rasmi menjadi pesawah sepenuh masa dengan mengusahakan bendang keluarga yang berada berdekatan rumah kami," katanya.

Selain mengusahakan bendang, Mohd Shakirin turut menjalankan perusahaan madu kelulut bagi mengisi masa lapang yang kini berjumlah 13 sarang.

Bagi memudahkan kerja menguruskan bendang miliknya atau yang dipajak, dia turut mencipta dan membina mesin meracun membabitkan kos lebih RM2,000, setanding mesin yang berada di pasaran yang berharga lebih RM10,000.

Anak ketiga daripada enam beradik itu berkata, pelbagai suka-duka pengalaman ditimba sebagai pesawah, tetapi dia tetap meneruskan kerjaya itu untuk membuktikan kesungguhan dirinya sendiri dan kepada golongan seusianya.

Dia berkata, golongan seusianya perlu memberanikan diri menceburi bidang pertanian memandangkan pulangan yang diperoleh hasil berbakti kepada tanah begitu membanggakan.

Hasil penat lelahnya

kini terbalas apabila mampu memiliki sebuah traktor dan keuntungan kasar mencecah RM40,000 bagi setiap kali tuaian.

Dia berkata, sebagai pesawah moden, dia menggunakan inovasi seperti sistem pengairan dan semburan racun bersistematik untuk mendapatkan hasil padi kira-kira dua tan bagi setiap



MESIN meracun yang digunakan untuk tanaman padi.



MOHD Shakirin melihat tanaman padinya di Kampung Pinang A.



## METRO AHAD

petak.

"Jika sistem pengairan yang sedia ada dapat di naik taraf atau diperbaiki, seorang pesawah di kawasan ini dapat memperoleh hasil 3.5 tan setiap petak," katanya.

Lebih membanggakan pesawah muda ini apabila isterinya, Siti Khadijah Che Aun, 30, turut menceburi bidang pertanian dengan mengusahakan tanaman rock melon atau tembikai wangi.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Biologi dari Universiti Pertanian Malaysia itu yang meminati pertanian sejak kecil lagi kini menjana pendapatan mencecah RM11,000 setiap kali musim tuaian.

Dengan modal RM20,000, pinjaman daripada keluarganya, dia kini mengusahakan hampir 0.4 hektar kawasan pertanian

“

**Tiga bulan selepas saya mengumpul maklumat berkaitan kerja penanaman padi di serata Semenanjung seperti di Selangor, Perak dan Kedah, saya secara rasmi menjadi pesawah sepenuh masa”**

**Mohd Shakirin**

yang disewa di Melaka Tropical Fruit Farm (MTFF) menggunakan sistem fertigasi sejak 2014.

Anak keenam daripada sembilan beradik itu berkata, keseronokan melihat hasil pertanian membuatnya tekad mengusahakan tanaman yang mendapat permintaan tinggi itu.

"Selain harganya yang tinggi dan stabil, kekurangan bekalan membuatkan saya mengambil keputusan untuk mengusahakan rock melon.

"Walaupun ia nampak mudah, buah yang berasal dari benua Afrika dan popular di Jepun ini agak manja dan memerlukan perhatian daripada petani yang mengusahakannya," katanya, ketika ditemui.

Pasangan yang baru setahun mendirikan rumah tangga itu, sering dijemput Jabatan Pertanian negeri sebagai penceramah jemputan bagi merangsang minat belia untuk menceburi bidang pertanian.



**MADU kelulut yang diusahakannya kini mencecah 13 sarang.**

